

26/01/2004

Pendirian Malaysia selama ini terbukti betul: Dr Mahathir

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pengesahan Pasukan Pemburu Senjata Pemusnah Besar (WMD) Amerika Syarikat di Iraq bahawa senjata pemusnah berkenaan tidak dikesan di negara teluk itu membuktikan pendirian Malaysia selama ini adalah benar.

"Kita selalu dah kata begitu. Tidak ada senjata pemusnah besar. Kita tidak boleh menyembunyikan senjata pemusnah seperti itu," katanya ketika diminta mengulas kenyataan ketua pasukan pemburu WMD, David Kay, kelmarin, yang mengesahkan senjata itu tidak ada di Iraq.

Beliau ditemui pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, semalam, selepas bercuti bersama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ke pulau ini, sejak tiga hari lalu.

Ditanya sama ada perkembangan itu membuktikan pendirian Malaysia berasas dalam menentang perang ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata: "Anda fikir dan tengoklah".

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya, Kay yang bakal digantikan oleh Charles Duelfer sebagai ketua Kumpulan peninjau Iraq, berkata beliau percaya senjata haram itu tidak pernah wujud di Iraq walaupun Rumah Putih mengarahkan siasatan terus dilakukan.

Kenyataan Kay sekali gus menggugat kedudukan politik Presiden Amerika George W Bush yang sebelum ini mengarahkan Iraq diserang atas dakwaan ia memiliki senjata pemusnah besar.

Bagaimanapun, Rumah Putih dilihat tidak berganjak daripada pendapat awalnya dengan mengatakan mereka masih yakin Kumpulan Peninjau Iraq akan dapat membongkar program senjata rejim Saddam Hussein.

Perdana Menteri Britain, Tony Blair, sekutu paling rapat Bush dalam isu Iraq juga percaya senjata pemusnah besar Iraq akan ditemui.

Dr Mahathir adalah antara pemimpin paling lantang dalam menyuarakan bantahan berikutan tindakan AS menyerang Iraq dan menyifatkannya sebagai satu titik hitam dalam sejarah.

Ketika kemuncak Perang Iraq, Mac lalu, Dr Mahathir berkata, dakwaan Iraq berbahaya dan boleh mengancam keselamatan dunia dengan senjata pemusnah besar adalah tidak logik dan tidak boleh dijadikan alasan untuk AS menyerang Iraq.

Terdahulu, Dr Mahathir meluangkan masa menaiki kereta kabel ke puncak Gunung Machinchang di Oriental Village, Teluk Berau di sini.